

Datuk Nalla keluar PKR
Malaysiakini.com
May 23, 2007
K Kabilan

Kecewa apa yang berlaku, Datuk S Nallakaruppan hari ini mengesahkan beliau akan keluar dari Parti Keadilan Rakyat (PKR) Jumaat ini, bersama-sama sekumpulan pemimpin India dalam parti pembangkang itu.

"Cukuplah...!" kata ahli perniagaan yang berusia 61 tahun itu kepada Malaysiakini. "Sudah lama saya dipermainkan."

Menurutnya, beliau sudah dua kali dipermainkan oleh "kawan karibnya" Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang juga penasihat PKR, selepas memberi jaminan bahawa beliau (Nalla) akan diberi peranan penting dalam parti itu.

"Kali pertama Anwar memberitahu saya patut bertanding dalam pilihanraya kecil Ijok. Tetapi pada saat-saat akhir, beliau meminta saya menarik diri dan memberi kerusi itu kepada Tan Sri Khalid Ibrahim.

"Saya marah kerana sehingga saat-saat akhir pun, beliau masih lagi mahu saya bertanding tetapi saya (kemudiannya) bersetuju dengan keputusannya (supaya tidak bertanding) dan memberitahu akan melakukan apa sahaja untuk membantu Khalid memenangi kerusi tersebut," katanya.

Pada pilihanraya kecil Ijok pada 28 April lalu, Khalid tewas kepada calon Barisan Nasional (BN) dari MIC, K Parthiban.

Diminta tarik diri

Nallakaruppan berkata beliau sekali lagi 'dipermainkan' berhubung dengan keputusannya untuk bertanding jawatan naib presiden PKR dalam pemilihan parti itu pada 25 Mei depan.

Beliau yang diajak oleh Anwar menyertai PKR Ogos lalu untuk menarik sokongan masyarakat India berkata, beliau kecewa apabila Anwar menelefonnya Jumaat lalu dan memintanya menarik diri daripada bertanding jawatan naib presiden.

"Alasannya ialah penyandang bagi tiga jawatan naib presiden itu telahpun ditentukan dan beliau tidak mahu ianya terganggu," kata Nallakaruppan yang juga ketua PKR bahagian Kepong.

Nallakaruppan berkata, dengan hati yang berat beliau menyetujui permintaan Anwar itu walaupun beliau memperolehi pencalonan kedua tertinggi bagi bertanding jawatan tersebut.

"Saya memberitahunya yang saya kecewa. Malah, sebelum dicalonkan untuk bertanding jawatan tersebut, saya telah bertanya pendapatnya dan beliau berkata okay untuk saya bertanding, dan berkata beliau tiada halangan.

"Sekarang beliau memutuskan saya tidak perlu bertanding kerana ia akan menjejaskan senarai penyandang yang sudah ditetapkan itu. Demokrasi apakah yang sering laungkan dalam parti itu?" soalnya.

Nallakaruppan berkata, beliau telah menyatakan kekecewaannya itu kepada Anwar dan memberitahunya beliau merasa "dikhianati" oleh seorang kawan yang dikenali sejak 30 yang lalu.

"Saya memberitahu yang beliau telah mempermainkan saya tetapi saya tidak menghentak telefon," tambahnya.

Beliau merujuk kepada laporan akhbar the Star hari ini yang mendakwa beliau menghentak telefon apabila bekas timbalan perdana menteri itu memintanya menarik diri daripada bertanding jawatan naib presiden.

Nallakaruppan juga mendedahkan yang beliau menolak tawaran Anwar untuk dilantik sebagai naib presiden selepas pemilihan parti hujung minggu ini.

"Saya tidak lagi percaya beliau akan mengotai kata-katanya itu. Lagi pula, saya tidak mahu jawatan lantikan. Pokoknya, mengapa halang saya daripada bertanding?" soalnya.

Langkah seterusnya?

Nallakaruppan, yang pernah menjadi rakan permainan tenis Anwar ketika beliau menjadi timbalan perdana menteri berkata, beliau akan memanggil sidang akhbar Jumaat ini untuk mengumumkan keputusannya keluar daripada PKR dan sebab-sebab beliau berbuat demikian.

"Ia bukan reaksi tindak balas saya. Saya sepatutnya menumpukan kepada perniagaan saya tetapi telah dibawa masuk parti ini oleh Anwar. Ketika itu, beliau meminta saya memainkan peranan aktif dalam usaha menambah ahli daripada kalangan masyarakat India, dan saya telah lakukan.

"Tetapi apabila saya mahu bertanding salah satu jawatan tinggi parti, saya tidak diterima," tambahnya.

Ditanya mengenai langkah beliau seterusnya, Nallakaruppan berkata, beliau akan kekal aktif dalam politik tetapi enggan mengulas lanjut mengenainya.

"Saya akan kekal aktif dalam politik. Saya mahu membantu masyarakat dan apa juga yang saya boleh sumbangkan, saya akan lakukannya. Tunggulah Jumaat ini dan saya akan dedahkan semuanya," kata beliau.

Beberapa pemimpin India dalam PKR di peringkat negeri telah menyuarat hasrat mereka untuk meninggalkan parti itu bersama dengan Nallakaruppan. Sesetengah daripada mereka, termasuk pemimpin utama akar umbi, telah menyertai parti itu sejak penubuhannya pada 1999.

Satu lagi kumpulan pemimpin India dalam PKR mengadakan sidang akhbar hari ini untuk menyatakan taat setia mereka kepada parti dan menafikan laporan berlaku perpecahan di kalangan ahli kaum India.